

**Komuniti Melayu Pulau Tioman :  
Isu dan Cabaran Dalam Konteks  
Pembangunan Pelancongan**

**Dr Yahaya Ibrahim (Prof Madya)**

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia  
[ya@pkisc.cc.ukm.my](mailto:ya@pkisc.cc.ukm.my)

***Abstrak***

Komuniti Melayu Pulau Tioman merupakan sebuah komuniti kecil yang begitu aktif dengan aktiviti ekonomi berkaitan sektor pelancongan. Komuniti Melayu ini merupakan sebuah komuniti yang gigih dan terawal membuka minda untuk membangunkan sektor ini setelah melihat prospek yang baik daripada sambutan dan kedatangan pelancong, terutama dari luar negara. Mereka bermula tanpa sebarang bantuan, tunjuk ajar, maupun kursus, namun kesungguhan melalui kesukaran untuk maju, kesediaan menghadapi risiko, tekun belajar daripada pengalaman serta dorongan rakan, seterusnya pemilikan tanah warisan, telah membuktikan pada hari ini bahawa mereka lah pencetus dan pemangkin kepada pembangunan sektor pelancongan di pulau ini. Fakta yang paling membanggakan ialah 85 peratus daripada bilangan resort yang dibangunkan di sini adalah milik komuniti tempatan walaupun bertaraf sederhana. Namun kini status Pulau Tioman sebagai pulau pelancongan berdasarkan alam semulajadi yang tersohor di Pantai Timur telah diwartakan sebagai Pulau Bebas Cukai. Kini Pulau Tioman bukan sahaja boleh dibangga sebagai lokasi pelancongan, malah juga mula dikenali sebagai 'tempat jualan murah'. Oleh itu, beberapa persoalan yang terbangkit akibat daripada peristiwaran sebagai 'Pulau Bebas Cukai', ialah adakah komuniti Melayu tempatan benar-benar mendapat manfaat daripada perubahan status tersebut? Sejauhmanakah berlakunya peningkatan kedatangan pelancong terutama yang akan mendiami resort-resort milik pengusaha tempatan? Apakah implikasi sosial yang sedang dan akan berlaku ke atas komuniti ini bilamana barang yang benar-benar murah hanyalah rokok dan minuman keras? Apakah yang akan terjadi kepada pengusaha tempatan bila kini para pengusaha luar yang bermodal besar telah berlumba-lumba masuk dan membuka perniagaannya di sini? Melihat kepada apa yang sedang berlaku, kini komuniti Melayu Pulau Tioman seolah-olah sedang menghadapi suatu gelombang besar yang mungkin bakal menghakis serta menghanyutkan apa yang telah dibina daripada kegigihan dan kesungguhan mereka sebelum ini. Kertas kerja ini cuba mengimbau persolan-persolan tersebut hasil daripada satu kajian empirik yang telah dilakukan di Pulau Tioman.

*Kata kunci: komuniti tempatan; pengusaha; pelancongan; implikasi sosial.*

## Pengenalan

Sektor pelancongan mempunyai potensi baik untuk pertumbuhan ekonomi sesebuah negara sama ada bagi negara maju atau negara yang sedang membangun. Ianya tidak menjadi suatu kejutan lagi sekiranya sektor pelancongan dijadikan sebagai komoditi utama dalam agenda pembangunan. Oleh sebab itu, sektor pelancongan digelar sebagai ‘enjin pertumbuhan ekonomi negara’ atau ‘nadi ekonomi negara’ (Lynn 1992). Destinasi-destinasi pelancongan merupakan aset penting sebagai sumber kekayaan sesebuah negara kerana ia mampu menarik ramai pelancong yang seterusnya dapat membawa perubahan positif dalam ekonomi negara (Var dalam Theobald 1994):

Bagi negara sedang membangun seperti Malaysia, industri pelancongan merupakan satu industri yang menguntungkan. Diketahui umum bahawa industri ini mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan juga dapat meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti tempatan. Keseluruhannya, pelancongan boleh dianggap sebagai satu industri yang berpotensi, memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, menyumbang kepada pendapatan hasil cukai yang tinggi dan juga dapat mempelbagaikan ekonomi penduduk tempatan. Pelancongan juga adalah sangat sesuai sebagai suatu aktiviti yang boleh meningkatkan daya keusahawanan di kalangan komuniti tempatan (lihat Wakins & Allen 1998). Seterusnya aktiviti pelancongan di kalangan golongan elit dikatakan mampu meningkatkan ekonomi di kalangan elit pedalaman, dengan ini adalah lebih baik daripada membenarkan keuntungan ekonomi mengalir keluar ke negara lain. (Dogan 1989).

Namun hasil penelitian di kebanyakan negara, sama ada negara maju atau yang sedang membangun yang telah mempunyai banyak pengalaman dan pendedahan dalam industri pelancongan, telah menunjukkan bahawa pelancongan antarabangsa juga mempunyai kesan negatif dan membinasakan. Kesan negatif ketara yang dapat dilihat termasuklah eksplorasi keterlaluan terhadap alam sekitar, pencemaran laut, persisiran pantai dan tanah pertanian, nilai-nilai budaya penduduk tempatan semakin kurang, dan juga kehidupan yang lebih privasi semakin berkurangan (S.M. Mohd. Idris 1985). Namun begitu, apabila melihat kepada kuasa hubungan di kalangan penduduk tempatan dan pengusaha industri pelancongan, ianya sukar untuk menentukan siapa yang untung dan siapa pula yang rugi daripada pembangunan pelancongan ini.

Kertas ini akan memaparkan hasil kajian terhadap proses serta kesan pembangunan yang membawa kepada isu dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh komuniti Melayu tempatan di Pulau Tioman. Isu pembangunan pelancongan ini menjadi lebih mencabar ekoran daripada kenaikan taraf pulau ini kepada “Pulau Bebas Cukai” yang bertujuan untuk menarik lebih ramai pengunjung ke pulau ini. Buat masa ini, kesan daripada perubahan polisi ini masih lagi kurang ketara, namun kerancakan aktiviti pembangunan terutama perniagaan dikhuatiri akan mula merubah landskap fizikal pulau ini daripada sebuah pulau pelancongan berasaskan alam semulajadi kepada “syurga membeli belah” dalam masa terdekat.

## **Komuniti Pulau dan Impak Pembangunan Pelancongan**

Sejak beberapa tahun lepas, banyak kajian tentang impak pelancongan ke atas ekonomi, sosial dan persekitaran telah dijalankan. Kebanyakan kajian bertumpu kepada perbezaan impak pelancongan di kalangan komuniti. Impak pembangunan pelancongan seperti ini telah dikenalpasti berdasarkan kepada ciri-ciri asas sosio-demografi sesuatu kawasan tempat tinggal (Belisle dan Hoy 1980; Liu dan Var 1986; Millman dan Pizam 1988; Pizam 1978), atau jarak di antara kawasan pelancongan dengan petempatan sesebuah komuniti (Belisle dan Hoy 1980; Sheldon dan Var 1984) dan juga pergantungan ekonomi kepada pelancongan yang dikira kedua-duanya sebagai jenis pekerjaan serta membandingkan usahawan tempatan, urusan awam dan lain-lain (Thomson, Crompton & Kamp 1979; Murphy 1983).

Kebanyakan penulis menganggap impak pelancongan boleh dibahagi kepada tiga kategori iaitu ekonomi, fizikal dan sosial. Bagaimanapun, didapati bahawa kesemua impak tersebut kerapkali bertindih atau bercanggah di antara satu sama lain (Ap dan Crompton 1998). Karya awal sebelum ini lebih memfokuskan kepada impak ekonomi dan impak negatif daripada pelancongan (Pizam 1978; Mathieson & Wall 1982; Keogh 1989). Mengikut Keogh (1989) lagi, fasa tersebut sudah menjadi perkara biasa sepanjang tahun 1960-an dan digambarkan secara optimistik. Namun begitu, pada tahun 1970-an, impak pelancongan mula dikaji secara kritis oleh ahli-ahli antropologi dan sosiologi (Young 1973; Turner dan Ash 1975; Smith 1977; de Kadt 1979; Farrell 1977) yang membawaikan hasil kajian agak baik sepanjang dekad tersebut. Rata-rata kesan daripada pelancongan digambarkan dalam keadaan negatif. Bagaimanapun Cohen (1978) tidak bersetuju dengan mengatakan bahawa kesan negatif daripada pelancongan telah dibincangkan secara berlebih-lebihan padahal peranan pelancongan terhadap sesebuah komuniti perlu dibincangkan secara menyeluruh. Oleh itu, perspektif yang lebih seimbang telah digambarkan pada tahun 1980-an dan 1990-an di mana kesan positif dan negatif daripada pelancongan telah dinilai secara sama rata.

Kajian tentang impak pelancongan dari segi ekonomi pula memfokuskan kepada keuntungan yang bertambah apabila wujudnya destinasi pelancongan baru dan telah mengabaikan kos. Berdasarkan kepada pelbagai keputusan negatif yang diperolehi, kajian tentang impak ekonomi menunjukkan bahawa terdapat potensi hubungan yang baik di antara pembuat keputusan dengan penduduk tempatan (Ap dan Crompton 1998). Manakala berpandukan kepada teori yang diasaskan oleh Brynt dan Napier (1981), hasil kajian yang terdapat sebelum ini keseluruhannya membuat kesimpulan bahawa hanya pihak yang mendapat keuntungan daripada pelancongan lebih menyedari yang industri tersebut dapat meningkatkan ekonomi negara berbanding pihak yang tidak terlibat dengan aktiviti tersebut. Dalam masa yang sama, impak industri pelancongan ke atas gejala sosial dan persekitaran juga dilihat tidak banyak berbanding keuntungan yang diperolehi (Millman dan Pizam 1988; Murphy 1983; Pizam 1978).

Kebanyakan penulis menterjemahkan hubungan di antara ciri-ciri komuniti dan persepsi impak disahkan sebagai hubungan keuntungan peribadi daripada pelancongan, yang akhirnya mempengaruhi persepsi penduduk terhadap impak yang

wujud daripada pelancongan. Kajian tentang pelancongan juga selalu dijadikan mangsa oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang memberi kesan ke atas aspek sosial dan persekitaran dalam skala global (Hall dan Jenkins 1995 dalam Sherlock 1999).

Penglibatan komuniti tempatan dalam industri pelancongan merupakan suatu pelengkap ke arah ketulinan yang dicari oleh para pelancong. Mengikut Boorstin (dalam Peake 1984) dan Ong Puay Liu (1996), kebanyakan pelancong lebih suka mencari realiti dan keaslian sesebuah destinasi pelancongan yang dilawati. Mereka suka mencari pengalaman melancong yang sebenar dengan mendapat keseronokan, menikmati keindahan, suka mengembara dan belajar. Mereka dikatakan mahukan sesuatu pengalaman yang asli melalui pelancongan yang aktif, lebih serius, baru dan berkualiti. Seterusnya mereka juga berhasrat untuk memperolehi integrasi yang baik dengan tempat yang dilawati serta penglibatan dalam kehidupan sosial dan budaya di sesebuah kawasan destinasi pelancongan (Weiber dan Hall 1992).

Kebanyakan pelancong juga mahu mencari budaya pelancongan yang semulajadi. Jadi, mereka perlu menghormati penduduk tempatan, sedar dan rasa hormat terhadap budaya tempatan, nilai-nilai sosial dan persekitaran semulajadi. Dengan ini, pelancong akan lebih menghargai alam sekitar dan penduduk tempatan. Mereka juga ingin melihat seolah-olah tidak ada sumber yang diperbaharui kecuali wujudnya pembangunan yang dirancang, terurus dan dikawal dengan baik.

Salah satu perkara yang bersifat motivasi dalam pembangunan industri pelancongan hari ini ialah isu pengabaian komuniti tempatan dalam ekonomi pelancongan, iaitu penglibatan peringkat akar umbi atau penduduk tempatan di kawasan destinasi pelancong. Penduduk tempatan adalah objek dalam perhatian pelancong, jadi apakah peranan utama yang patut mereka mainkan dalam menentukan bentuk dan intipati pelancongan di sekelilingnya?

Pelancong datang dan pergi tetapi penduduk tempatan tetap tinggal di persekitaran yang perlu disesuaikan untuk meneruskan hidup. Pelancong hanya melawat dan melancong ke sesebuah tempat untuk sementara waktu sahaja. Berlainan dengan penduduk tempatan, ‘kawasan destinasi pelancong’ merupakan tempat yang dipanggil rumah di mana mereka hidup, bekerja, bermain, berehat dan berkeluarga. Oleh yang demikian, penduduk tempatan perlu terlibat sama dan menjadi sebahagian daripada pengalaman pelancong. Mereka perlu rasa berupaya untuk memberikan khidmat kepada pelancong, bekerjasama ke arah pembangunan pelancongan dan menunjukkan cara hidup mereka yang sebenar.


Berbekalkan kepercayaan bahawa sesuatu perubahan boleh dilakukan, dengan input teknologi canggih dan kemajuan terkini yang digabung dengan alam semulajadi, dan juga daya usaha komuniti tempatan, ia akan menjadi pengorak langkah ke arah perubahan yang positif dan lebih moden bagi negara-negara sedang membangun dan kurang maju. Sebagai kesannya, komoditi pelancongan yang dihasilkan akan menggambarkan keunikan masyarakat yang terlibat (Turner dan Ash dalam Urry 1990:7). Dari segi ekonomi, keuntungan ini disalurkan kepada penduduk tempatan dengan tujuan untuk menaikkan kualiti hidup mereka. Namun dalam usaha membangunkan sesebuah tempat sebagai destinasi pelancongan, setiap komuniti perlu berusaha menjadi ekslusif dan unik dalam pelbagai perkara, terutama yang disebut

sebagai 4P: *Product* (barang), *Presentation* (persembahan), *Pricing* (harga) dan *Promotion* (promosi). Keadaan ini juga boleh berlaku di mana-mana komuniti pulau, termasuklah di Pulau Tioman yang telah diisyiharkan sebagai pulau zon bebas cukai bagi memberi galakan kepada pembangunan aktiviti pelancongan di pulau tersebut.

### **Pembangunan Pulau Tioman Sebagai Destinasi Pelancongan**

Pulau Tioman, yang terletak di negeri Pahang merupakan salah sebuah pulau yang terkenal sebagai destinasi pelancongan menarik dengan sumber marin yang banyak dan sememangnya ia disasarkan untuk pembangunan pelancongan. Pulau ini merupakan satu daripada 10 buah pulau tercantik di dunia dan telah diwartakan sebagai salah satu daripada Taman Laut Malaysia. Pemandangan laut yang indah, diversiti haiwan laut yang pelbagai, gunung-ganang dan kerimbunan pohon-pohon yang menghijau telah menjadikan pulau ini sebagai destinasi pelancongan utama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Pulau Tioman mempunyai keluasan 13,360 hektar ( $134 \text{ km}^2$ ), terletak di daerah Rompin, Pahang. (Lihat Foto 1).

**Foto 1: Pemandangan Udara Pulau Tioman**



Perjalanan sejauh 36 batu nautika dari Tanjung Gemok dan 56 km dari utara Mersing, Johor memakan masa selama 2 jam untuk sampai ke Pulau Tioman ini. Bagaimanapun, pengkalan transit utama untuk ke Pulau Tioman adalah melalui Mersing, Johor.

Di Pulau Tioman terdapat 9 buah kampung iaitu Kampung Tekek, Kampung Salang, Kampung Air Batang, Kampung Paya, Kampung Mukut, Kampung Nipah, Kampung Genting, Kampung Juara dan Kampung Asah. Kesemua kampung ini terletak di sebelah Barat Pulau Tioman kecuali Kg. Juara (rujuk Peta 1).

**Peta 1: Pulau Tioman dan Petempatan Utama**



Komuniti Pulau Tioman terdiri daripada Melayu tradisional. Sebelum aktiviti pelancongan dibangunkan iaitu sekitar awal 1970-an, ekonomi utama penduduk di pulau ini bergantung sepenuhnya kepada aktiviti menangkap dan menjual ikan serta hasil laut yang lain. Kini jumlah keseluruhan penduduk di Pulau Tioman adalah seramai 3,201 orang dengan majoriti (86%) ketua keluarga terlibat dengan industri pelancongan. Jika diambil kira dengan pekerja hotel (termasuk orang luar) jumlah penduduk di sini ialah sekitar 5,000 orang.

Terdapat 86 buah resort atau chalet yang dibina di Pulau Tioman dengan jumlah bilik keseluruhannya iaitu 2,200. Terdapat resort yang berhampiran dengan kampung-kampung di pulau ini yang diusahakan oleh penduduk kampung kecuali Kampung Genting, Kg. Paya dan Kg. Mukut yang diusaha secara bersama antara penduduk kampung dan pengusaha Cina terutamanya warganegara Singapura. Mengikut maklumat awal, pada umumnya terdapat sekitar 300 peniaga/pengusaha yang menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan di Pulau Tioman.

Selain daripada mengusahakan chalet, sebahagian daripada mereka menjadi pengusaha bot pelancong dan ada juga yang menjadi agen atau orang tengah yang memberikan perkhidmatan kepada para pelancong. Hasil kajian mendapati pendapatan mereka yang terlibat dalam industri ini mampu memperolehi pendapatan sebanyak RM1000 hingga RM8,000 sebulan. Bagaimanapun, didapati 40% daripada penduduk di sini dikategorikan berada di bawah kadar kemiskinan (kadar pada tahun 2002 ialah RM470).

Dari segi tahap pendidikan di kalangan penduduk Pulau Tioman dianggap rendah. Keutamaan mereka terhadap pentingnya ilmu pengetahuan adalah sangat rendah. Kebanyakan ibu bapa tidak begitu kisah sama ada anak-anak mereka mahu melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya atau pun ingin terus bekerja di sektor pelancongan selepas tamat sekolah. Salah satu faktor lagi ialah kekurangan kemudahan persekolahan. Hanya dua buah sekolah rendah disediakan untuk penduduk dari tujuh buah kampung di Pulau Tioman. Manakala hanya sebuah sekolah menengah terletak di Kampung Tekek yang mana sukar dihubungi daripada kampung-kampung lain kecuali melalui bot. Oleh kerana tambang bot yang membebankan, rata-rata mereka tidak memaksa anak-anak untuk meneruskan persekolahan sebaliknya menggalakkkan mereka membantu dalam urusan harian untuk meningkatkan pendapatan keluarga.

Dari segi kemudahan awam, pembangunan di pulau ini boleh dikatakan sederhana. Terdapat sebuah lapangan terbang kecil untuk pesawat *fokker twin otter* dan sebuah bangunan terminal, masjid, klinik, dewan orang ramai, tadika, pejabat pos, balai polis serta jeti yang sempurna di setiap kampung. Di samping itu, bekalan elektrik juga disediakan 24 jam sehari berbanding 20 tahun lepas yang hanya membekalkan elektrik selama 12 jam sahaja sehari. Sementara itu, bekalan air pula diperolehi daripada sumber air semulajadi tempatan yang terdapat di pulau tersebut.

Di antara ciri-ciri menarik Pulau Tioman ialah sumber alam semulajadinya, dimana 80% daripada kawasan pulau ini dipenuhi dengan hutan dara. Seperti hutan-hutan tropikal lain, hutan ini mempunyai pelbagai jenis binatang yang unik termasuklah spesis burung iaitu 650 spesis burung yang terdapat di Semenanjung Malaysia sahaja, lebih daripada 100 spesis ular, serta binatang-binatang jenis amfibia termasuklah 80 spesis cicak. Di antara populasi binatang yang paling popular ialah kancil iaitu satu-satunya binatang yang dilindungi di pulau ini dan dibenarkan hidup secara bebas di hutan tersebut.

Dari segi kedatangan pelancong pula, pada tahun 2000, jumlah pelancong yang berkunjung ke Pulau Tioman susut sedikit (200,527 orang) berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Bagaimanapun sehingga tahun 2002 jumlah tersebut meningkat balik iaitu 212,872 orang. Pada tahun 2000 hingga 2001, jumlah pelancong domestik meningkat dengan pantas manakala menurun pada tahun 2002 dengan jumlah 119,094 orang. Berlainan pula dengan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa yang sentiasa menurun dari tahun 2000 (128,144 orang) hingga tahun 2001 (115,377 orang) dan tahun 2002 (993,778 orang). Sebab yang paling ketara ialah tragedi 11 Sepetember 2001 yang menyebabkan ramai orang Barat prejudis terhadap orang-orang Islam dan negara Islam. Mereka seolah-olah menganggap orang Islam adalah penganas termasuklah negara Malaysia. Kemudian, peristiwa pengeboman di

Bali juga turut menambahkan perasaan prejedis warga Barat terhadap orang Islam dan mereka merasakan negara-negara ASEAN lain juga tidak selamat dikunjungi.

**Jadual 3: Kedatangan Pelancong (Domestik Dan Antarabangsa)  
Ke Pulau Tioman Dari Tahun 2000 Hingga 2002**

Tahun	Kedatangan an Pelancong		Jumlah (Bersih)	Purata Masa Tinggal	Purata Pekerjaan Kadar Y (%)	Jumlah Hasil Cukai Dari Pelanco ngan
	Domestik	Antarabangsa				
	Jumlah (%)	Jumlah (%)				
2000	72,383 36%	128,144 64%	200,527	2.50	41.71	85,224
2001	127,675 53%	115,377 47%	243,052	3.00	42.30	127,602
2002	119,094 50%	93,778 44%	212,872	2.50	40.41	95,927

Sumber: Lembaga Pembangunan Tioman (TDA)

### Metodologi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di 7 buah kampung (daripada 9 buah kampung) di Pulau Tioman. Kampung-kampung yang terlibat adalah Kampung Tekek, Kampung Air Batang, Kampung Salang, Kampung Paya, Kampung Genting, Kampung Juara dan Kampung Mukut.

Jadual 1: Pecahan Penduduk Mengikut Petempatan

Bil.	Petempatan	Bil. Penduduk
1.	Kampung Tekek/ Kampung Air Batang	2,097
2.	Kampung Genting/ Kampung Paya	373
3.	Kampung Juara	275
4.	Kampung Salang	256
5.	Kampung Mukut/ Kampung Nipah/ Kampung Asah	200
<b>Jumlah</b>		<b>3,201</b>

Sumber: Lembaga Pembangunan Tioman 2003 (TDA)

Kajian ini dijalankan secara kerja lapangan menggunakan borang soal selidik dan temubual dengan penduduk tempatan. Borang-borang soal selidik telah diagihkan

kepada 203 orang responden yang berumur di antara 21 hingga 75 tahun (di kalangan penduduk Pulau Tioman) secara rawak. Beberapa temubual telah dibuat dengan pemimpin masyarakat dan pihak-pihak tertentu yang dikenalpasti dapat menyampaikan maklumat-maklumat yang diperlukan terutama berbagai isu berkaitan dengan penyertaan komuniti. Di samping itu, berbagai data juga dikumpulkan melalui sumber kedua seperti Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), Kementerian Luar Bandar, Kementerian Pelancongan, Pejabat Daerah dan sebagainya.

### **Isu dan Cabaran Komuniti Melayu Dalam Pembangunan Industri Pelancongan di Pulau Tioman**

Pembangunan pelancongan sebenarnya adalah selari dengan modenisasi, urbanisasi dan industrialisasi yang dianggap sebagai faktor perubahan. Tujuan utama pembangunan pelancongan bukanlah untuk kemajuan ekonomi sahaja tetapi ia juga untuk memperbaiki mutu kehidupan manusia (Vu 1963:59). Hasil daripada pembangunan tersebut bagaimanapun perlu disalurkan kepada komuniti tempatan. Justeru itu, proses pengembangan dan pembahagian sumber ini adalah merupakan agen perubahan utama bagi keseluruhan ekonomi, politik dan struktur sosiobudaya tempatan.

Pulau Tioman yang sememangnya telah terkenal di serata dunia dan telah menjadi tumpuan utama para pelancong pulau berbanding pulau-pulau lain di Pantai Timur seperti Pulau Perhentian, Pulau Redang dan Pulau Kapas di Terengganu. Sebagai sesebuah pusat pelancongan terkemuka, pihak kerajaan telah cuba untuk mengekal, malah menarik seberapa ramai pelancong yang mungkin untuk berkunjung. Oleh itu suatu perancangan telah dibuat bagi membangunkan pulau ini sebagai pulau destinasi pelancongan utama. Era pembangunan Pulau Tioman secara terancang bermula selepas Lembaga Pembangunan Tioman ditubuhkan pada November 1997 di bawah Enekmen no. 7/97 dan ianya mula beroperasi pada 1 Januari 1998. Dalam Pelan Pembangunan tersebut digariskan matlamatnya adalah “untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa dengan persekitaran yang berkualiti tinggi.” Ianya juga berkonsepkan eko-pelancongan. Manakala mengikut Strategi Pelan Pembangunan Pulau Tioman adalah seperti berikut:

1. Pengekalan, pemuliharaan dan penyelenggaraan alam sekitar.
2. Menstrukturkan semula penempatan-penempatan utama dan meningkatkan penyediaan infrastruktur fizikal dan sosial.
3. Membangunkan asas ekonomi yang kukuh.
4. Menggiatkan penyertaan penduduk tempatan dalam pembangunan pulau Tioman.
5. Meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan Pulau Tioman.

Mengikut Noronha (1979), terdapat 3 fasa proses pembangunan pelancongan iaitu: Fasa Pertama Pembangunan; Fasa Operasi; dan Fasa Transformasi. Kini sektor pelancongan di Pulau Tioman telah memasuki fasa transformasi yang melibatkan perubahan sosiofizikal, sosioekonomi dan juga sosiobudaya.

Fasa Pertama pembangunan Pulau Tioman, telah bermula pada awal 1970an sebagai destinasi kegemaran pelancong kerana keindahan pantai dan pemandangan di bawah lautnya yang mengagumkan. Ia telah menarik ramai pelancong untuk aktiviti *snorkeling* dan *scuba diving* di pulau tersebut. Selain daripada itu keramahan, rasa hormat-menghormati serta sikap suka tolong-menolong penduduk tempatan dengan pelancong yang berkunjung ke situ turut menjadi daya tarikan. Menyedari bahawa Pulau Tioman berpotensi untuk dijadikan destinasi pelancongan, maka pada tahun 1980an sekumpulan usahawan Bumiputera dari tanah besar Semenanjung telah mengambil alih sebanyak 20% daripada perniagaan chalet kepunyaaan pengusaha tempatan. Justeru bermulalah fasa operasi di mana pulau ini mula menjadi tumpuan para pemodal dari luar dengan membuat pelaburan untuk membina chalet-chalet di sini.

Persaingan pembangunan di fasa ini telah dirancakkan lagi apabila pihak Kerajaan Negeri Pahang merancang untuk mengangkat Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa. Maka pada tahun 1986, kerajaan negeri Pahang dengan kerjasama syarikat swasta telah membuat perjanjian untuk membangunkan semula resort yang telah sedia ada kepada hotel resort yang bertaraf lima bintang. Setelah operasi resort itu bermula, penduduk tempatan telah diambil bekerja sebagai pekerja pelayan di hotel atau pun di padang golf. Ini merupakan proses pertama penglibatan komuniti tempatan yang membawa kepada transformasi secara langsung dalam sektor perkhidmatan pelancongan secara formal.

Pada masa itu sebanyak 40% daripada tenaga kerja di resort terdiri daripada penduduk tempatan di mana 60% daripadanya bekerja sebagai kedi (*caddie*) dan pekerja buruh landskap di padang golf, sementara selebihnya bekerja sebagai pengawal keselamatan, pekerja restoran dan pembersih bilik-bilik hotel. Jawatan yang paling tinggi dipegang oleh penduduk tempatan pada masa itu ialah sebagai penyelia, manakala kini sudah ada yang menjawat jawatan pengurus bahagian yang mana jumlahnya hanyalah dua orang sahaja. Pada awalnya gaji yang ditawarkan kepada pekerja tempatan ialah sekitar RM300 hingga RM800 sebulan bergantung kepada jawatan yang dipegang. Dengan pendapatan yang dikatakan lumayan oleh penduduk tempatan ini, maka ia telah menarik ramai golongan muda untuk bekerja di resort-resort pelancongan. Kajian menunjukkan bahawa lebih 90% daripada golongan remaja lebih suka bekerja di sektor pelancongan kerana ia menyeronokkan dan suasana tempat kerjanya menarik berbanding dengan bekerja di tempat lain. Mereka juga tidak perlu berjauhan daripada keluarga. Selain daripada itu, untuk mendapatkan kerja di peringkat ini, kelayakan akademik tidak diutamakan, cukup sekadar dengan pengalaman di laut dan dapat melayan pelancong dengan baik serta pandai menghormati mereka.

Pelancongan merupakan suatu industri yang sangat menguntungkan dari segi ekonomi. Oleh itu, penduduk tempatan yang tinggal di lokasi pelancongan dan yang tidak bekerja makan gaji di resort, selalunya akan cuba mengambil peluang-peluang ekonomi seperti menjadi peruncit yang menjual pelbagai barang, pemborong, pembekal dan seterusnya pengusaha dalam sektor ini. Setelah melihat kejayaan pengusaha dari luar, kini didapati penduduk tempatan turut sama melibatkan diri dengan perniagaan pelancongan ini seperti menjadi pengusaha bot dan chalet, menjual makanan dan membuka kedai cenderamata. Tumpuan perniagaan ini adalah di sepanjang pantai, di tepi jalan utama dan juga di Bazar Mara Kampung Tekek.

Hasil kajian menunjukkan perniagaan makanan mendapat permintaan yang tinggi terutama makanan laut yang agak popular di kalangan pelancong. Namun penduduk tempatan tidak mampu untuk membuka restoran yang menyediakan makanan laut kepada pelancong kerana tahap ekonomi mereka adalah terhad. Oleh itu, perniagaan yang memerlukan modal yang besar seperti restoran makanan laut, kedai cenderamata, kedai sewaan kenderaan (basikal dan motorsikal), dan mini market ini sememangnya dikuasai oleh orang luar yang menyewa tapak daripada penduduk tempatan.

Dari tahun 1980 hingga 1990, nilai tanah pantai telah meningkat daripada kurang RM1000 kepada RM200,000 hingga RM300,000 sekar manakala nilai tanah lain meningkat kepada RM125,000 hingga RM200,000 sekar. Dengan peningkatan nilai tanah yang mendadak ini telah menjadi satu ancaman kepada pemilik tanah yang rata-ratanya adalah harta pusaka daripada nenek moyang mereka dan diperturunkan dari satu generasi ke generasi. Tetapi pada hari ini sebahagian daripada tanah-tanah tersebut telah dijual dan bertukar milik kepada pelabur-pelabur luar di Pulau Tioman. Ini kerana pemilik asal tanah tidak berupaya untuk mengusahakan sendiri tanah tersebut seperti yang dirancangkan dalam pembangunan pelancongan. Walau bagaimanapun, masih terdapat dikalangan pemilik tanah yang mampu mengusahakan sendiri perniagaan chalet di atas tanah mereka. Jumlah ini telah bertambah dari setahun ke setahun di mana hingga kini terdapat sejumlah 59 chalet (84%) yang telah dimajukan oleh penduduk tempatan daripada sejumlah 70 pengusaha chalet di Pulau Tioman. Dalam pada itu, lebih 90% pekerja chalet terdiri daripada penduduk tempatan dan kaum keluarga sendiri.

### **Perubahan Sosiobudaya**

Sememangnya pelancongan sentiasa beriringan dengan pertumbuhan hotel, pusat hiburan seperti diskò, pub, kasino dan berbagai keseronokan lain lagi. Oleh sebab itulah pelancongan juga dikatakan akan menjadi satu ancaman kepada negara apabila banyak budaya yang kurang baik dibawa masuk oleh para pelancong yang datang. Kajian terkini juga telah membuktikan bahawa kesan daripada pembangunan pelancongan berskala besar adalah kurang baik dan ia akan menjadi lebih sederhana jika perancangan yang efektif serta pembentukan pembangunan komuniti tempatan dibuat bersama (See de Kadst 1979; Jenkins 1982; Jenkins dan Henry 1982; Richter dan Richter 1985).

Komuniti Melayu di Pulau Tioman adalah berbeza dengan komuniti yang terdapat di destinasi pelancongan lain di Malaysia. Para pelancong yang datang akan dapat merasai persekitaran dan pengalaman yang cukup menarik kerana mereka dapat tinggal di chalet yang terdapat di kawasan yang sama dengan penduduk kampung. Oleh itu, hubungan di antara pelancong dan penduduk kampung menjadi lebih rapat dan mesra. Tambahan pula lebih 80% daripada pengusaha chalet adalah orang tempatan dan mereka dibantu oleh kaum keluarga atau penduduk tempatan.

Sejak dari tahun 1970an, penduduk tempatan sudah menerima industri pelancongan sebagai industri penting dalam hidup mereka. Kebanyakan mereka sangat peramah dan sentiasa mengalu-alukan kedatangan pelancong dengan mesra.

Malah kebanyakan daripada mereka suka menolong pelancong tanpa apa-apa bayaran. Contohnya, mereka tidak mengenakan sebarang bayaran jika pelancong mahu menumpang kenderaan mereka. Ini kerana sejak dari tahun 1970an lagi, mereka telah hidup dengan suasana pelancongan. Berbekalkan pengalaman ini, mereka dapat menarik dan tidak kekok bersama pelancong. Jadi, tidak hairanlah apabila ramai penduduk Pulau Tioman dapat berbahasa Inggeris dengan baik kerana pergaulan rapat dengan para pelancong asing, walaupun mereka tidak berpendidikan tinggi. Aktiviti pelancongan di pulau tersebut boleh dikira sebagai salah satu faktor yang mendidik masyarakat tempatan mempelajari bahasa Inggeris, cara berkomunikasi dan memahami budaya pelancong. Ini kerana mereka mempunyai hubungan dan pendedahan aktiviti secara langsung dengan pelancong.

Oleh kerana mereka terlalu berfikiran terbuka dan kurang pendedahan lain kerana berada jauh di pulau, pelancong seolah-olah mengambil peluang untuk memperkenalkan budaya moden mereka kepada penduduk kampung. Contohnya, mereka memakai pakaian yang dianggap *simple* tetapi adalah sangat tidak sopan bagi masyarakat Melayu. Ekoran daripada itu, pada hari ini boleh dilihat lelaki tempatan yang berumur lingkungan 50an yang bersiar-siar di tepi pantai atau berjalan di jalan raya dengan memakai seluar mandi sahaja. Keadaan sebegini akan menjadi isu kontroversi sekiranya ia terjadi 20 tahun lepas atau pun dilakukan di tanah besar.

### **Pembangunan Baru dan Pulau Bebas Cukai**

Pada tahun 2003, Pulau Tioman telah diiktiraf sebagai ‘Pulau Bebas Cukai’. Dengan peristiwaran tersebut, para pengusaha luar yang bermodal besar telah berlumba-lumba masuk dan membuka perniagaannya di sini. Hingga kini terdapat 5 buah kedai yang bakal berkembang menjadi kompleks perniagaan yang telah dibuka oleh pengusaha luar. Manakala pengusaha tempatan yang bermodal kecil hanya mampu melihat dari jauh dari sebuah ke sebuah kedai-kedai baru yang dibangunkan di atas tanah milik penduduk tempatan yang baru dijualkan atau disewakan. Pada hari ini, ketidakmampuan pemilik tanah untuk membangunkan tanah-tanah mereka seiring dengan pembangunan pulau, telah membawa kepada kewujudan semula fenomena penjualan dan penggadaian tanah di Pulau ini. Tindakan menjual dan menyewakan tanah mereka kepada orang luar ini berlaku atas beberapa sebab seperti; keadaan taraf ekonomi mereka yang rendah dan tidak ada perancangan masa hadapan. Penguasaan orang luar ke atas perniagaan tersebut telah meruncingkan lagi isu persaingan di antara usahawan tempatan dan orang luar di pulau ini.

Dengan peristiwaran Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai, ia sebenarnya meningkatkan tumpuan para pelancong harian (day trippers). Mereka ini hanya datang pada waktu pagi dan pulang ke tanah besar pada waktu petang. Kedatangan mereka adalah semata-mata untuk membeli belah ataupun sekadar “window shopping”. Bagaimanapun kehadiran para pelancong sedemikian sememangnya menguntungkan para peniaga barang bebas cukai dan pengusaha bot yang berulang alik dari Mersing ke Tioman. Selain daripada itu, hasil kajian juga mendapati berlaku peningkatan bagi jualan di kedai-kedai makan sebanyak 30 peratus terutamanya pada hujung minggu atau cuti am. Para pelancong harian ini rata-rata terdiri daripada para pelancong tempatan yang selalunya tidak menginap di sini. Oleh itu peningkatan kepada tempahan chalet terutama di kalangan chalet-chalet berharga murah yang

dibangunkan oleh komuniti tempatan cuma sekitar 10% hingga 15% sahaja yang hanya berlaku di hujung minggu dan juga cuti am

Manakala jika ditinjau akan harga barang pula, apa yang benar-benar dikatakan murah adalah harga rokok dan minuman keras, yang mana keperluannya lebih khusus kepada para pelancong dan bukannya untuk dinikmati oleh penduduk tempatan. Namun ekoran daripada penawaran barang ini dengan harga yang murah, ia telah menyebabkan ramai remaja tempatan mula merokok dan meneguk minuman keras di khalayak ramai tanpa rasa segan-silu. Manakala sesetengah restoran dan kedai runcit dan resort yang dimiliki peniaga Islam juga turut menjual minuman keras.

Rata-rata golongan tua di Pulau Tioman sangat bimbang dengan gejala negatif apabila pulau tersebut diiktiraf sebagai ‘pulau bebas cukai’ kerana ramai golongan remaja berpeluang membeli rokok dan minuman keras dengan sewenang-wenangnya. Bukan itu sahaja, kebanyakan remaja di pulau itu bekerja sebagai penjual di kedai ‘bebas cukai’ yang banyak memberi peluang kepada mereka untuk terus membeli barang tersebut. Pendek kata, pembangunan baru ini dilihat cuba menghakis nilai budaya serta bakal menggugat keimanan penduduk tempatan. Situasi ini juga dikatakan bakal kekeliruan di antara nilai budaya tradisional dengan nilai budaya asing. Lebih menyedihkan lagi apabila terdapat peningkatan dari segi bilangan remaja yang telah menagih dadah dan ini akan memberikan implikasi kepada kesejahteraan masyarakat. Ekoran daripada isu ini juga menyebabkan majoriti penduduk golongan tua di Pulau Tioman tidak berpuas hati dengan pembangunan untuk menjadikan pulau tersebut sebagai destinasi pelancong bertaraf antarabangsa.

Manakala bagi golongan remaja tempatan pula, mereka tidak menganggap bahawa industri pelancongan membawa kemusnahan kepada budaya setempat tetapi ia adalah satu penyesuaian kepada sistem nilai yang baru. Pelancongan juga dikatakan merupakan sebahagian daripada ‘perubahan hubungan yang terpilih’ dan mesti difahami dalam konteks kedudukan sosial dan persekitaran yang dikelilingi oleh ramai manusia. Penerimaan mereka terhadap cara pemakaian dan aktiviti harian bukanlah sesuatu yang menghairrankan. Proses sosiolisasi bersama dengan pelancong juga telah menyebabkan penduduk tempatan menyerapkan budaya pelancong ke dalam budaya tempatan dan juga sebaliknya.

Seperti yang tercatat dalam *Asian Business* (keluaran September 1982), negara perlu menanggung risiko penghakisan budaya tempatan sebagai impak sosial daripada pelancongan, mereka akan kehilangan maruah dan nilai tradisional yang seterusnya membawa kepada kemusnahan dalam seluruh cara hidup. Kemudian, negara akan lebih cepat menerima gejala baru seperti peruncit tidak jujur, pelacuran, ibu ayam, pengusaha hotel yang tamak, pencuri dan sebagainya.

## Kesimpulan

Meskipun pelbagai tanggapan di buat terhadap pembangunan industri ini, namun ternyata industri pelancongan banyak menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi penduduk setempat terutamanya yang terlibat secara langsung dengan keusahawanan pelancongan. Manakala dari segi sosiobudaya, kebanyakan penduduk pulau sudah

berfikiran terbuka terhadap adat dan budaya hidup tradisional mereka selama ini malah mengalu-alukan industri pelancongan sebagai satu jalan menuju ke arah kemodenan.

Pembangunan yang menganjurkan fasa transformasi dari segi dimensi sosiobudaya sebenarnya sudah bersedia untuk menganjurkankan satu persepsi baru di kalangan penduduk tempatan. Transformasi ini berhubung kait dengan hubungan yang rapat dengan pelancong dan pendedahan kepada persekitaran pelancongan yang telah berlaku sejak 15 tahun dahulu. Keadaan ini menunjukkan mereka sentiasa menyambut baik sektor pelancongan sebagai satu jalan menuju kemodenan. Rata-rata mereka tidak menganggap bahawa industri pelancongan membawa kemusnahan kepada budaya setempat tetapi mereka hanya perlu menyesuaikannya dengan nilai-nilai yang baru.

Hasil kajian menunjukkan majoriti penduduk tempatan berusaha kuat untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Walau bagaimanapun, tanpa pendidikan yang tinggi, perancangan dan bimbingan yang betul, adalah mustahil bagi mereka untuk merealisasikan impian itu. Sekiranya mereka diberi bimbingan dan tunjuk ajar, mereka sebenarnya mampu untuk lebih aktif dalam membangunkan industri ini. Namun apa yang dapat diperhatikan, kesungguhan penduduk tempatan terlibat sama dalam pembangunan ini hanyalah pada peringkat permulaan projek, tetapi selepas itu mereka tidak berupaya bersaing lagi, dan ini boleh dianggap mengganggu pertumbuhan sektor pelancongan itu sendiri seterusnya akan menghadkan peluang mereka untuk memperbaiki taraf sosioekonomi serta menceburi bidang keusahawanan di pulau ini.

Sememangnya terdapat asas yang kukuh dalam membincangkan hal ini dalam konteks pembangunan mega. Komuniti tempatan seringkali dikatakan terpinggir apabila kapasiti pembangunan yang dibawa adalah di luar kemampuannya. Mereka ini yang terhad dari segi modal, pengalaman dan perhubungan (*contact*), dilihat begitu sukar untuk memperolehi peluang meskipun sekadar serpihan daripada projek besar, apatah lagi untuk bersaing dengan para usahawan yang telah lama maju serta mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Bagaimanapun, atas dasar kemahuan untuk berubah, di kala peluang yang terbuka luas, meskipun dengan kemampuan yang terbatas, tanpa sebarang pengalaman, tunjuk ajar maupun bantuan, terdapat juga segelintir daripada mereka pada hari ini yang boleh dibanggakan sebagai usahawan tempatan yang hampir berjaya. Namun begitu, faktor persaingan dengan para usahawan luar yang mempunyai pelbagai kelebihan, dasar dan peraturan yang tidak memihak kepada mereka, dan juga kealpaan pihak-pihak tertentu yang sepatutnya mengambil tanggungjawab menjaga kepentingan usahawan tempatan, ia memungkinkan masa depan dunia keusahawanan di kalangan komuniti Melayu tempatan menjadi kabur serta tidak menentu, seterusnya akan mengembalikan mereka ke alam kerjaya lama (sebagai nelayan) yang telah cuba ditinggalkan ataupun sekadar menjadi kuli di sektor baru.

Bagaimanapun dalam konteks negara sedang membangun, komuniti pulau seringkali dikaitkan dengan masalah ketidaksampaian, sama ada maklumat, infrastruktur, dan juga perubahan atau pembaharuan yang terkini. Keadaan ini membuatkan mereka akan sentiasa dan terus tersisih dari segala segi. Oleh itu, manfaat yang diperolehi daripada perubahan dan pembangunan juga tidak begitu menguntungkan mereka. Dalam konteks pengisytiharan sesebuah pulau sebagai zon

bebas cukai, didapati cuma segelintir (kurang 10%) sahaja dari kalangan komuniti Melayu tempatan yang benar-benar bersedia memperolehi manfaat yang sewajarnya, manakala pelbagai peluang yang dianggap menguntungkan dirangkul oleh para usahawan dari luar.

Justeru itu, komuniti ini perlu diberi penerangan tentang perancangan pembangunan dan kesan positif serta kesan negatif daripada pembangunan tersebut seawal mungkin supaya mereka lebih bersedia untuk menghadapinya di masa akan datang. Integrasi di antara kepentingan komuniti tempatan dan perancangan pembangunan sangat penting untuk memastikan pertumbuhan positif di kedua-dua belah pihak. Perkongsian keuntungan hasil daripada pembangunan juga perlu diwujudkan tanpa mengorbankan nilai tradisional mereka. Apa yang pasti, kaedah ini adalah penting untuk dimasukkan bersama dalam rancangan pembangunan sejak awal-awal lagi.

Pada masa ini tidak ramai ahli komuniti Melayu Pulau Tioman yang telah bersedia dari segi mental dan ekonomi untuk turut terlibat dalam sektor pelancongan mega ini. Mereka nampaknya lebih mudah untuk dieksloitasi sama ada secara langsung atau tidak oleh pihak yang mahu mencari keuntungan dari Pulau Tioman. Keadaan ini akan mencetuskan polemik baru terhadap keseimbangan peluang dan permintaan yang berterusan agar komuniti ini terus dibantu secara lebih komprehensif agar mereka berupaya untuk terus hidup di tanah nenek moyang mereka yang bakal tergadai oleh pembangunan dan kemasyhuran Pulau Tioman yang mereka banggakan.

## Bibliografi

- Asian Business* Sept. 1982 dlm. S.M. Mohd. Idris. See the Third World while it Lasts- The Social and Environment Impact of Tourism with Special Reference to Malaysia". 1995, Consumers' Association of Penang.
- De Kadst, E. 1979. *Tourism- Passport to Development*. New York: Oxford University Press.
- Dogan, H. Z. 1989. "Form of adjustment: Socio-cultural Impacts of Tourism". *Annals of Tourism research*. 16(2):236.
- Farrell, B. H. 1977. The Social and Economic Impact of Tourism on Pacific Communities. Santa Cruz: University of California- Santa Cruz Center for South Pasific studies.
- Keogh, B. 1989. "Social Impact". In *Outdoor Recreation in Canada*, pty.G. Wall. Toronto: John Wiley and Sons: 233-275.
- Liu, J. dan T. Var. 1986. "Resident Attitudes toward Tourism Impacts in Hawaii". *Annals of Tourism Research*, 13(2): 193-214.
- Mathieson, A. dan G. Wall. 1982. *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. London: Longman.
- Murphy, P. E. 1983. *Tourism: A Community Approach*. New York and London: Routledge.

- Pizam, A. 1978. "Tourism's Impact: The Social Cost to the Destination Community as Perceived by Its Residents". *Journal of Travel Research*, 8(Spring): 8-12.
- Sheldon, P. dan T. Var. 1984. "Resident Attitudes to Tourism in North Wales". *Tourism Management*, 5 (1): 40-48.
- Sherlock, K. 1999. "The Role of Community in Tourism Studies". *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 11, (2/3): 126-127.
- Thomson, P., J. L. Crompton dan B. D. Kamp. 1979. "A Study of the Attitudes of Impacted Groups within a Host Community toward Prolonged Stay Tourist Visitors". *Journal of Travel Research*, 17 (Winter): 2-6.
- Young, G. 1973. *Tourism: Blessing or Blight?* Middlesex, England: Penguin Books.